

6912

Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 17 (1993)

PERJANJIAN PEMBAHAGIAN HASIL TANAH DAN HASIL BIJIH TIMAH DI JELEBU TAHUN 1897

Oleh:

Ibrahim Mustapa

Sek. Men. King George V, Seremban

PRAKATA

Tidak banyak orang yang tahu bahawa suatu masa dahulu Jelevu merupakan daerah yang banyak mengeluarkan hasil bijih timah. Pemilik-pemilik utama tanah yang mengandungi bijih timah ialah Dato'-Dato' pembesar tempatan seperti Dato' Menteri, Dato' Umbi, Dato' Raja Balang, Dato' Majinda, dan Dato' Paduka.

Persoalan yang timbul, adakah pembesar-pembesar itu mendapat habuan pembayaran yang setimpal ataupun sebaliknya?

Penulis telah berkesempatan membuat penyelidikan dan rujukan kajian tentang beberapa manuskrip atau naskhah dokumen lama yang tersimpan dengan baik di rumah Dato' Undang Luak Jelevu yang ke-13, iaitu Allahyarham Dato' Shahmarudin bin Abdul Rahman.

Antaranya ialah 'Surat Perjanjian 1897', iaitu surat perjanjian di antara Residen Inggeris Negeri Sembilan pada masa itu dengan lima waris Jelevu bagi menentukan pembahagian hasil tanah dan hasil bijih timah di Jelevu.

PENDAHULUAN

Sebelum diadakan Perjanjian 1897 ini, memang telah terdapat beberapa perjanjian yang terdahulu di antara Residen Inggeris Negeri Sembilan dengan pembesar-pembesar tempatan di Jelevu berkaitan dengan pembahagian hasil tanah dan hasil bijih timah.

Contohnya ialah Perjanjian 1886, Perjanjian 1891 dan Perjanjian 1896.

PERJANJIAN 1886

Dalam perjanjian yang telah diadakan pada bulan September 1886 itu, disebutkan di dalam Perkara 4, iaitu kerajaan membayar habuan belanja tiap-

tiap bulan kepada lima waris di Jelevu yang mempunyai tanah tempat digali timah dengan kadar bayaran \$1.50 bagi setiap bahara timah.

PERJANJIAN 1981

Pada bulan Jun 1891, satu lagi perjanjian dibuat di antara Residen Inggeris dengan pembesar-pembesar tempatan yang lima orang itu. Perjanjian ini menetapkan bahawa kadar bayaran yang dikenakan ditambah sedikit menjadi \$400.00 sebulan.

Menurut perjanjian itu lagi, wang sebanyak \$400.00 itu dibahagi-bahagikan di antara kelima-lima waris di Jelevu dengan kadar sama rata kepada waris Dato' Menteri, Dato' Umbi, Dato' Raja Balang, Dato' Majinda dan Dato' Paduka. Tiap-tiap waris itu menerima hanya satu bahagian.

Pembahagian yang ditetapkan oleh pihak Inggeris itu telah menimbulkan perselisihan di kalangan waris-waris. Mereka kurang berpuashati dengan habuan masing-masing yang sepatutnya diperolehi.

PERJANJIAN 1896

Pada 15 September 1896, Residen Inggeris Negeri Sembilan pada masa itu, Martim Lister telah menghantar sepucuk surat kepada Dato'-Dato' Jelevu dengan menyatakan bahawa perkara berkaitan dengan pembahagian yang termaktub dalam perjanjian terdahulu boleh dibentang dan dibincangkan semula.

PERJANJIAN 1897

Dengan itu, pada 18 September 1897 telah diadakan satu perjumpaan di antara Dato'-Dato' Jelevu dengan Pemangku Pegawai Jajahan Jelevu (Tuan Bates) di rumah Pegawai Jajahan itu.

Dato'-Dato' yang hadir ialah Dato Penghulu Jelevu Syed Ali (Undang Jelevu ke-11), Dato' Menteri Tahat (waris Tok Menteri ke-21), Dato' Umbi Kathir atau Kadir (waris Tok Umbi ke-16, Dato' Raja Balang Sohor (waris Tok Raja Balang ke-9), Dato' Majinda Dolah (waris Tok Majinda ke-10), dan Dato' Paduka Ma'akit (waris Tok Paduka ke-10).

Mereka telah mengambil keputusan untuk menyerahkan perkara tuntutan Dato'-Dato' Jelevu itu kepada Residen Inggeris untuk menyelesaikannya.

Maka satu perjanjian baru telah diadakan di antara Residen Inggeris Negeri Sembilan pada masa itu, E.W. Birch dengan Dato'-Dato' Jelevu. Keputusan

muktamad telah dipersetujui oleh semua pihak.

Perkara 3 Perjanjian itu disebutkan:

Maka Tuan Residen itu dengan sebab-sebab yang tersebut telah memutuskan pembahagian habuan masing-masing di dalam wang bayaran bulan-bulan yang \$400.00 itu akan dibahagikan sebagaimana yang tersebut; Maka \$225.00 akan menjadi bahagian waris Tok Menteri dan Tok Umbi adanya. Maka \$175.00 akan menjadi bahagian waris-waris Raja Balang dan Tok Majinda serta Tok Paduka adanya.'

Ketiga-tiga waris Raja Balang, Tok Majinda dan Tok Paduka mendapat habuan yang kurang daripada yang diperolehi oleh Dato' Menteri dan Dato' Umbi ialah kerana hasil timah yang dikeluarkan daripada tanah milik mereka adalah kurang.

Walau bagaimanapun mereka boleh membangkitkan semula perkara itu dengan membuat tuntutan yang lebih sekiranya didapati hasil timah yang dikeluarkan daripada tanah mereka bertambah.

Seperti yang dimuatkan dalam Perjanjian 1897 itu yang berbunyi:

".....tiadalah boleh dibuka dikecualikan perkara itu oleh waris-waris Raja Balang, dan Tok Majinda serta Tok Paduka itu melainkan telah mengeluarkan beberapa banyak timah daripada tanahnya hingga sampai pada fikiran Tuan British Residen yang pada masa itu tiada berpadanan dengan pembahagian habuan itu demikianlah ditetapkan adanya."

Lain-lain perkara yang turut dinyatakan di dalam Perjanjian 1897 itu ialah hal-hal berkaitan dengan Pentadbiran Tanah. perkara 1 ialah tentang pembahagian hasil tanah.

'Adapun yang darihal perkara ini yaitu perkara bukan kena mengena dengan istiadat negeri tetapi cuma perbahagian hasil tanah dengan adil adanya'.

Perkara 2 pula ialah tentang penetapan ke atas tuan-tuan tanah tempat digali timah yang patut menerima lebih bahagian hasil tanah itu.

'Datullah segala tuan-tuan tanah tempat digali timah itu menerima lebih bahagian hasil tanahnya adanya'.

PENUTUP

Di dalam perjanjian yang dibuat itu tidak pula dinyatakan bahagian habuan yang diperolehi oleh Dato' Penghulu Jelebu (Dato' Undang) dan juga bahagian yang diambil oleh pihak Inggeris.

Perjanjian itu membuktikan terdapatnya eksploitasi penjajah Inggeris k atas hasil ekonomi negeri-negeri Melayu khususnya di Jelevu ini.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah tentang perjanjian yang dibuat pada masa lampau ialah menggunakan tulisan jawi dan difahami oleh semu pihak.

المستحقين

منافع § 229 (دوا برائے دوا دولت لیم (شکایت) اکین منجادی بیباکین، راریف تو، منجادی لکان تو، اوسنی الدان، دوا)

... 175 (ميراثيس لوجه دولة لهم رشكجة) اكن معجدي بهاكن واربعه راج
بالع دان اتو ماچيندا بسرة اتو شانزك اذان

جاچيلاقي تله دسلسيكن دان برميچو بسرة برمام سواك مشعوان اذنون بغدريبال
اين يهكيدان لائي تبادله بوله ديوك دكيوالينين فركارا ايت اوله واربعه راج بالغ دان
تو ماچيندا بسرة اتو نادوك اية ماچينين تله مفلراكن بهراف بارقي تيمه درغد تالين هلاك
سمشي فد هكران توان يرتش رسيدين يغ فد ماس ايت تباد ازلان دهن فريتاين
جاچان اية دكجه دتسكن اذان ايت

دكترت ددالم اولميس توان
18 مارچوان سنه 1307

...

...

...

...

...

...

...

...

...

...